

Jakmas KKE Anjur Program E-Islamic Camp 1.0

Terakhir dikemaskini: Selasa, 22 Mei 2018 16:44 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 222

[Kongsi 5](#)[Syorkan 5](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

SELASA, 22 MEI - Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Excellent (KKE) mengadakan Program E-Islamic Camp 1.0 baru-baru ini.

Menurut kenyataan Jakmas KKE, program itu diadakan selama tiga hari dibawah kendalian penceramah jemputan, Ustaz Jimmis Jumat, Ustaz Mahadi Muchtar serta seorang penceramah daripada kalangan pelajar KKE, Alexandra Castro Abdullah.

Antara pengisian program termasuklah penyampaian ceramah bertajuk “Peranan Sahabat dalam Membentuk Suasana Ibadah Solat”, “Rasulullah S.A.W ketika Belia” dan “Kematian: Bersediakah Aku?”.

Turut diadakan aktiviti gotong royong, riadah, solat secara berjemaah, slot muhasabah diri dan persembahan sketsa dan persembahan Qasidah dari peserta dan ahli jawatankuasa penganjur.

Hadir sama Timbalan Pengetua KKE, Mohd. Hilmey Sali serta barisan felo kolej kediaman berkenaan.

Sumber: Jakmas KKE